KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BAHAGIAN PELAKSANAAN DAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAI
UNIT SENIBINA, ARAS 8, NO.51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT
PUSAT PENTADBIRA KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5000
Faks : 03-8891
E-mail : wmnorshah@kpkt.gov.my

Ruj. Kami : KPKT.600-3/103/2 JLD. (56)

Tarikh : 07 .Oktober 2021

NOOR IZWAN ARCHITECT
39E, Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 KUALA LUMPUR
(u.p: Ar. Noor Izwan Rahim)

Tuan,

CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH
- Pelarasan Yuran Perunding (Yuran Ikhtisas)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, pejabat ini mendapati harga kontrak kerja yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Lembaga Perolehan, KPKT adalah rendah dan berbeza berbanding Kos Kerja yang dimasukkan di dalam Yuran Perkhidmatan Perunding. Perbezaan Kos Kerja tersebut telah menyebabkan pengurangan pada Yuran Perkhidmatan Perunding bagi item Yuran Ikhtisas Perunding Arkitek. Pejabat ini juga telah membuat rujukan dengan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia akan keperluan untuk melaksanakan pelarasan Yuran Ikhtisas bagi projek-projek yang terlibat.

3. Merujuk kepada **PK 3.2, Klausa 2.1.4,** ***Walau bagaimanapun, sekiranya harga kontrak kerja yang telah disetuju terima oleh Kerajaan adalah lebih rendah daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan yuran perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak membuat pelarasan yuran perkhidmatan Perunding. Pelarasan yuran perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan yuran secara berkadaran mengikut harga kontrak kerja yang telah disetuju terima Kerajaan.***

4. Perkara ini juga telah jelas diperincikan di dalam ***CSA2014-Architectural (Amendment 2018) Clause 6.4 Payment to the CA for Services,***

a) iii. However, the Fixed Ceiling Consulting Fees as specified in Appendix 6B shall be adjusted and reduced proportionately according to the following formula if the Contract Sum for the Works is less than the Estimated Contract Sum for Works or there is a change of the scope of Services or reduce in the value of Works:

$$\frac{\textit{Contract Sum for the Works}}{\textit{Estimated Cost for the Works}} \times \textit{Ceiling of the Consulting Fee}$$

5. Sehubungan dengan itu, pelarasan yuran perkhidmatan Perunding bagi item Yuran Ikhtisas Perunding Arkitek perlu dilakukan berdasarkan perkiraan pelarasan berikut:

PENGIRAAN PELARASAN YURAN PERUNDING BERDASARKAN KOS KERJA (KOS KONTRAK KERJA LEBIH RENDAH DARI ANGGARAN KOS KERJA AWALAN)

Kos Siling Projek (seperti di dalam CSA)	RM 8,000,000.00
A Anggaran Kos Kerja Awalan *(Estimated Cost for the Works)*	RM 8,000,000.00
B Kos Kontrak Kerja- ATDA *(Contract Sum for the Works)*	RM 6,305,978.26
C Yuran Perunding seperti di dalam CSA	RM 477,500.00

Formula pelarasan yuran berdasarkan *CSA 2014-Architectural (Amendment JKR), clause 6.4(iii)*

$$\frac{\textbf{Contract Sum for the Works}}{\textbf{Estimated Cost for the Works}} \times \textbf{Ceiling of the Consulting Fee}$$

$$= \frac{\textbf{RM 6,305,978.26}}{\textbf{RM 8,000,000.00}} \times \textbf{RM 477,500.00}$$

$$= \textbf{0.788247283} \times \textbf{RM 477,500.00}$$

$$= \underline{\textbf{RM 376,388.08}}$$

Bil	Perkara	Yuran Ikhtisas Asal- CSA (RM)	Yuran ikhtisas Selepas Pelarasan (RM)
1	Yuran Perkhidmatan Perunding		
	A) Yuran Ikhtisas Arkitek	477,500.00	376,388.08
	B) Kos Penyeliaan Tapak	160,675.20	tidak berkaitan
	C) Yuran *Special Services*- Perancang Bandar & Lanskap	100,000.00	tidak berkaitan
	JUMLAH (selepas pelarasan)	477,500.00	**376,388.08**

Nota:

1. Pengiraan pelarasan setiap item yuran menggunakan formula yang sama.
2. Kos Imbuhan Balik **TIDAK** termasuk dalam Pelarasan Pengiraan Yuran Perunding

KPKT.600-3/103/2 JLD. (56)

07 · Oktober 2021

6. Bersama-sama ini disertakan salinan *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) bagi projek ini untuk rujukan pihak tuan. Bagi mengelakkan lebihan bayaran pada akhir projek kelak, pejabat ini akan membuat pengesyoran Yuran Ikhtisas terkini berdasarkan Yuran Ikhtisas selepas pelarasan.

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Ar. ZUHAIRI BIN MANAF)
Timbalan Setiausaha Bahagian (J)1
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
• Ayu normah

s.k:

KPPK/UPP